

***IKHLAS* COMPREHENSIVE PERSONAL ACCIDENT BENEFIT SECURE TAKAFUL RIDER**

Sentiasalah bersedia tatkala
kemalangan menimpa.

KEMALANGAN BOLEH MENGUBAH HIDUP ANDA, JADI SENTIASALAH BERINGAT DAN BERSEDIA.

IKHLAS Comprehensive Personal Accident Benefit Secure Takaful Rider merupakan pelan tambahan yang boleh dilampirkan ke dalam produk asas Takaful keluarga. Rider ini memberikan pampasan kewangan apabila berlaku kematian, keilatan kekal menyeluruh atau separa atau keilatan sementara atau sebahagian dan menyeluruh (untuk manfaat mingguan), dan juga pembayaran semula kos perubatan ke atas kecederaan yang disebabkan kemalangan.

APAKAH YANG DILINDUNGI OLEH **IKHLAS COMPREHENSIVE PERSONAL ACCIDENT BENEFIT SECURE TAKAFUL RIDER**?

IKHLAS Comprehensive Personal Accident Benefit Secure Takaful Rider menyediakan lima (5) pelan pilihan.

Manfaat	Pelan				
	1	2	3	4	5
1. Kematian atau keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD)	RM 30,000	RM 50,000	RM 100,000	RM 150,000	RM 250,000
2. Keilatan Separata dan Menyeluruh	RM 30,000	RM 50,000	RM 100,000	RM 150,000	RM 250,000
3. Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan	RM 1,500	RM 2,500	RM 5,000	RM 7,500	RM 12,500
4. Keilatan Sementara dan Menyeluruh (Manfaat Mingguan)	RM 180	RM 300	RM 600	RM 900	RM 1,500
5. Keilatan Sementara dan Sebahagian (Manfaat Mingguan)	RM 60	RM 100	RM 200	RM 300	RM 500
6. Pembayaran Balik Perubatan Pesakit Luar	RM 300	RM 500	RM 1,000	RM 1,500	RM 2,500

Manfaat Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) (*Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko*)

Sekiranya berlaku kematian atau TPD akibat dari kemalangan ke atas Peserta Takaful dalam tempoh Sijil Takaful, Amaun Perlindungan beserta amaun terkumpul di dalam Akaun Pelaburan Risiko Peribadi (PRIA), termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko akan dibayar kepada waris Peserta Takaful atau keluarga terdekat (untuk kematian) atau kepada Peserta Takaful (jika Peserta Takaful mengalami TPD).

Manfaat Keilatan Separa dan Menyeluruh (PPD) *(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

Sekiranya berlaku PPD kepada Peserta Takaful yang disebabkan sepenuhnya dan secara langsung oleh kecederaan anggota badan akibat dari kemalangan di dalam tempoh Sijil Takaful, Peratusan Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pampasan selepas ditolak sebarang amaun yang dibayar di bawah manfaat TTD dan PTD yang disebabkan oleh kemalangan yang sama, akan dibayar kepada Peserta Takaful.

Manfaat Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan (MSER) *(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

Sekiranya Peserta Takaful dimasukkan ke hospital dan menjalani Pembedahan akibat kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan dalam tempoh 24 jam dari masa kecederaan Peserta Takaful boleh mengemukakan tuntutan ke atas Perbelanjaan Perubatan dan sebarang kos yang mana munasabah dan yang diperlukan, yang telah dibayar oleh Peserta Takaful kepada Doktor dan/atau hospital yang berdaftar. Pembayaran balik tuntutan ini terhad kepada 5% daripada Amaun Perlindungan Kematian untuk setiap kemalangan.

Nota: Pembedahan didefinisikan sebagai pembedahan kecil dan besar berpandukan kepada "Jadual MMA Edisi ke-4 2002", atau yang lebih baru.

Manfaat Keilatan Sementara dan Menyeluruh (TTD) *(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

Sekiranya berlaku TTD kepada Peserta Takaful yang disebabkan sepenuhnya dan dengan secara langsung oleh kecederaan anggota badan akibat dari kemalangan, manfaat mingguan sebanyak 0.6% daripada Amaun Perlindungan Kematian akan dibayar kepada Peserta Takaful sekiranya kecacatan menghalang Peserta Takaful daripada melakukan sebarang bentuk perniagaan atau pekerjaan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut.

Manfaat Keilatan Sementara dan Sebahagian (PTD) *(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

Sekiranya berlaku PTD kepada Peserta Takaful yang disebabkan sepenuhnya dan dengan secara langsung oleh kecederaan anggota badan akibat dari kemalangan, manfaat mingguan sebanyak 0.2% daripada Amaun Perlindungan Kematian akan dibayar kepada Peserta Takaful sekiranya kecacatan menghalang Peserta Takaful daripada melakukan sebahagian besar dari perniagaan atau pekerjaannya sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut.

Manfaat Pembayaran Balik Perubatan Pesakit Luar (OMRB) *(Manfaat Takaful ini dijamin oleh Dana Risiko)*

Sekiranya Peserta Takaful menerima rawatan perubatan pesakit luar ke atas kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan dalam tempoh 24 jam dari masa kecederaan, Peserta Takaful boleh mengemukakan tuntutan Perbelanjaan Perubatan dan sebarang kos perubatan rawatan pesakit luar yang munasabah dan yang diperlukan, yang telah dibayar oleh Peserta Takaful kepada Doktor dan atau hospital yang berdaftar. Pembayaran balik tuntutan ini terhad kepada 1% daripada Amaun perlindungan kematian untuk setiap kemalangan.

Manfaat Sijil Takaful Matang (*Manfaat ini tidak dijamin*)

Apabila Sijil Takaful matang, Peserta Takaful akan menerima amaun terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebih boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada.

Manfaat Penyerahan Sijil Takaful (*Manfaat ini tidak dijamin*)

Apabila Sijil Takaful diserahkan, Peserta Takaful akan menerima amaun terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebih boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada.

SYARAT DAN HAD UMUR

Umur kemasukan:

1 (30 hari) - 60 tahun, umur pada harijadi akan datang

Pekerjaan Kelas: 1, 2, 3 dan 4 (Peserta Takaful yang berumur kurang daripada 18 tahun akan dikelaskan sebagai pekerjaan kelas 2)

Tempoh Perlindungan:

Minima - 5 tahun

Maksima - Mencapai umur 65 tahun atau tempoh Sijil Takaful Asas

Had Perlindungan:

Minima - RM30,000

Maksima -

16 tahun atau ke bawah:

- RM150,000 atau 5 x amaun perlindungan asas, yang mana lebih rendah.

17 tahun atau ke atas:

- RM250,000 atau 5 x amaun perlindungan asas, yang mana lebih rendah.

MENGAPA IKHLAS COMPREHENSIVE PERSONAL ACCIDENT BENEFIT SECURE TAKAFUL RIDER?

a) Perlindungan Komprehensif

Memberi pelbagai pampasan kewangan untuk kecacatan, kos perubatan dan kecederaan disebabkan oleh kemalangan.

b) Indemniti Mingguan

Peserta Takaful akan menerima manfaat mingguan jika berlaku kecederaan disebabkan oleh kemalangan yang mengakibatkan Peserta Takaful terhalang untuk melakukan sebahagian besar pekerjaannya sekurang-kurangnya selama tujuh (7) hari berturut-turut.

KADAR SUMBANGAN TAKAFUL KASAR TAHUNAN (*Bergantung kepada pelan*)

Kelas Pekerjaan	Pelan				
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
Kelas Pekerjaan 1	RM 243.70	RM 378.70	RM 679.20	RM 982.70	RM 1,548.00
Kelas Pekerjaan 2	RM 322.80	RM 503.40	RM 909.20	RM 1,318.60	RM 2,085.60
Kelas Pekerjaan 3	RM 444.00	RM 691.60	RM 1,246.80	RM 1,806.80	RM 2,854.40
Kelas Pekerjaan 4	RM 597.70	RM 927.10	RM 1,659.30	RM 2,398.30	RM 3,773.00

Kadar di atas mengandaikan bahawa Peserta Takaful yang dicadangkan tiada masalah perubatan/kesihatan, risiko pekerjaan atau tabiat yang mungkin memerlukan Sumbangan Takaful tambahan.

Sumbangan Takaful pembaharuan adalah tidak dijamin dan pihak Takaful IKHLAS berhak untuk menyemak kadar Sumbangan Takaful setiap Peserta Takaful untuk pembaharuan berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan portfolio. Syarikat akan memberi 3 bulan notis bertulis kepada Pemilik Sijil Takaful sekiranya berlaku penyemakan semula Sumbangan Takaful atau penarikan-balik portfolio. Sumbangan Takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan/ atau profil risiko Peserta Takaful. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan Sumbangan Takaful juga boleh disemak-semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

CAJ-CAJ YANG TERDAPAT PADA IKHLAS COMPREHENSIVE PERSONAL ACCIDENT BENEFIT SECURE TAKAFUL RIDER

IKHLAS Comprehensive Personal Accident Benefit Secure Takaful Rider adalah berasaskan kepada Model *Wakalah* di mana Takaful IKHLAS akan mengenakan caj Yuran *Wakalah* daripada Sumbangan Takaful bagi tujuan mentadbirkan perniagaan.

Tahun	1	2	3	4	5	6	7 Tahun ke atas
Yuran <i>Wakalah</i> (%)	75.50	64.00	44.25	42.75	27.25	27.25	16.50

Jika tempoh perlindungan adalah kurang daripada 20 tahun, Takaful IKHLAS akan mengurangkan caj *Wakalah* sewajarnya.

PENGECCUALIAN

- a) Rider ini tidak akan melindungi sebarang kematian, kehilangan atau kecacatan, perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang telah dibayar akibat kecederaan, kehilangan atau kecacatan yang berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu (1) daripada kejadian-kejadian berikut:
1. Peserta Takaful melakukan, cuba melakukan atau memprovokasikan serangan, feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Peserta Takaful;
 2. Rusuhan dan kacau-bilau awam, mogok atau aktiviti pengganas;
 3. Membunuh diri atau sebarang percubaan ke arahnya atau mencederakan diri secara siaman atau tidak;
 4. Peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak, revolusi, atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan;
 5. Perkhidmatan ketenteraan darat atau laut semasa peperangan sama ada disytiharkan atau tidak atau semasa diberikan arahan atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan atau ketika mengembalikan ketenteraman awam;
 6. Membuat tangkapan sebagai seorang pegawai undang-undang;
 7. Pelanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau mengelakkan dari penahanan;
 8. Perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
 9. Kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh Peserta Takaful berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada yang perskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
 10. Sebarang keuzuran atau penyakit disebabkan oleh ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik disebabkan oleh atau akibat daripada luka atau kecederaan akibat kemalangan);
 11. Menghidu racun, gas atau bahan berwap (secara disengajakan atau tidak);
 12. Memasuki, mengendali atau berkhidmat, secara menaiki atau menuruni peralatan udara atau kenderaan udara termasuk melakukan terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara dan belon udara kecuali semasa Peserta Takaful berada di dalam penerbangan yang dikendalikan secara komersil sebagai penumpang berjadual melalui perjalanan berjadual;

13. Sebarang perlakuan keganasan. Bagi tujuan ini perlakuan keganasan bermaksud sebarang perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman yang berkaitan dengannya, sama ada perseorangan atau berkumpulan melalui tindakan bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan sebarang organisasi atau kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab dengan politik, keagamaan, ideologi atau yang berkaitan dengannya termasuklah dengan niat untuk mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menakutkan orang awam atau sebahagian daripadanya;
 14. Penyakit, kecederaan atau kerugian lain berlaku sebelum pembayaran Sumbangan Takaful yang pertama, atau dimana Sijil Takaful telah luput;
 15. Sebarang penyakit; mengandung, bersalin atau sebarang keguguran;
 16. Menggunakan enjin prototaip
- b) Kemasukan ke hospital di luar daripada Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah Rider ini.

NOTA PENTING

1. Anda perlu meyakinkan diri anda bahawa Rider ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibuat di bawah rider ini merupakan amaun yang mampu anda sertai.
2. Anda perlu menyemak ilustrasi Manfaat dan Helaian Keterangan Produk sebelum menyertai Rider ini.
3. Pemilik Sijil Takaful diberikan masa lima belas (15) hari Tempoh Khyiar daripada tarikh Sijil Takaful diterima untuk memastikan kesesuaian penyertaan **BARU** bagi Rider ini. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan akan ditolak/diambil daripada Sumbangan Takaful yang dibayar.
4. Selepas bayaran Sumbangan Takaful pertama, kegagalan pembayaran Sumbangan Takaful seterusnya kepada Syarikat pada tarikh akhir atau dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
5. Sekiranya tiada lagi Sumbangan Takaful selepas tamat tempoh ehsan, Syarikat mempunyai hak seperti yang dipersetujui Aqad untuk menggunakan nilai yang ada sebagai pendahuluan untuk bayaran *Tabarru'* dan Sijil Takaful akan dikuatkuasakan "di bawah PIA" sehingga amaun PRIA berkurangan dari amaun yang diperlukan untuk bayaran *Tabarru'*. Semasa tempoh ini Sijil Takaful masih lagi berkuat kuasa dan sekiranya Sumbangan Takaful masih belum dijelaskan selepas PRIA, tidak mencukupi untuk bayaran pendahuluan seterusnya, Sijil Takaful akan lupus dan tidak mempunyai nilai.
6. Syarikat berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Peserta Takaful gagal memberi maklumat-maklumat yang relevan yang akan memberi kesan kepada Syarikat untuk membuat keputusan untuk menerima ataupun menolak sebarang risiko yang dicadangkan dan juga Sumbangan Takaful dan terma-terma yang sepatutnya dikenakan ke atas Peserta Takaful.

7. Risalah ini menyatakan maklumat am sahaja. Ini bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat tidak dinyatakan secara terperinci. Sila rujuk kontrak Sijil Takaful untuk maklumat penting.
8. Sijil Takaful ini tidak menyatakan sebarang amaun faedah dari Dana Risiko seandainya pembatalan, matang atau Sijil Takaful tamat tempoh berlaku.
9. Manfaat daripada PRIA adalah berasaskan pada nilai prestasi sebenar dana dan ia adalah tidak dijamin. Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, baki boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada amaun Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PRIA (berkemungkinan boleh menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
10. Bagi sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada PRIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PRIA) ditolak 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan. Pihak Syarikat juga akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang disyiharkan pada akhir setiap Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
11. Risiko daripada dana pelaburan akan ditanggung oleh Pemilik Sijil Takaful dan faedah berkemungkinan adalah kurang dari amaun Sumbangan Takaful kepada dana pelaburan tersebut.
12. Amaun yang akan dikecualikan cukai pendapatan untuk Sumbangan Takaful adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
13. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku "info Insurans" mengenai 'Takaful Keluarga' dan/atau 'Takaful Perubatan & Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami ataupun anda boleh memperolehnya daripada wakil Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Nota Pengecualian:

Risalah ini bukan merupakan satu kontrak. Sila rujuk sijil Takaful untuk butiran penuh.